

→ INOVASI



Rosfarizan (kiri) dan Samsilah menunjukkan produk nanoselulosa dan anugerah yang dimenangi di Serdang, semalam. Gambar kiri, nanoselulosa.



The 17th Asian Oil, Gas & Petrochemical Engineering Exhibition

18 - 20 JUN 2019
Pusat Konvensyen Kuala Lumpur
Malaysia

PAMERAN MINYAK & GAS NO.1 DI ASIA



2,000 Syarikat	23,000 Pengunjung Perdagangan	20,000 sqm Tapak Pameran	12 Pavilion Antarabangsa (Australia, Kanada, China, Perancis, Jerman, Norway, Scotland, Singapura, Korea Selatan, Belanda, UK dan Amerika Syarikat)
--------------------------	--	---------------------------------------	--


 3,500 Di Jangka Padanan Perniagaan	 MYR2.2 billion Nilai Bisnes Yang Di Jangka
---	---

Waktu Pembukaan: 10.00 pagi - 6.00 petang (18 - 19 Jun 2019)
10.00 pagi - 5.00 petang (20 Jun 2019)

Pra-daftar sekarang di talian
www.oilandgas-asia.com

(Tarikh terakhir pendaftaran secara faks ialah sebelum 12 Jun 2019 dan dalam talian adalah 16 Jun 2019. Jika anda terlepas tarikh tersebut, anda boleh mendaftar semasa pameran).

HOTLINE!
Tel: 03-9771 2688
Faks: 03-9771 2799
E-mel: oga-my@ubm.com



CABUTAN BERTUAH

Lawati OGA 2019 dan menangi hadiah cabutan bertuah.

CABUTAN BERTUAH SETIAP HARI

- | | | |
|---|--|--|
|
HARI PERTAMA
• Sony GTX-XB60
• Bluetooth Speaker
• Baucer Hotel |
HARI KEDUA
• Samsung
Galaxy Watch
• Baucer Hotel |
HARI KETIGA
• GoPro Hero 7
Silver Edition
• Baucer Hotel |
|---|--|--|

CABUTAN BERTUAH KHAS

- Bagi pelawat yang
pra-daftar sahaja.
• Huawei Nova 4e
• Baucer Hotel

*Tertakuk kepada terma dan syarat

*Nama pemenang akan di cabut dari senarai
nama pelawat yang telah pra-daftar sahaja.

Belimbing, peria katak rawat luka diabetes kurang 48 jam

→ Kajian
penyelidik
UPM menang
pingat emas
di ITEX 2019

**Oleh Halina
Mohd Noor**
[halina_mdnoor@media-
prima.com.my](mailto:halina_mdnoor@media-
prima.com.my)

► Serdang

Penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) menghasilkan penawar yang berupaya menyembuhkan luka pesakit diabetes, menggunakan gabungan peria katak dan belimbing rosak dalam tempoh kurang 48 jam.

Bahan dalam bentuk gel itu berupaya menyembuhkan luka dalam tempoh cepat berbanding lebih dua hari menggunakan penyembuh lain, yang diimport dari Amerika Syarikat dan Filipina.

Ketua Penyelidik, Prof Dr Rosfarizan Mohamad, berkata inovasi berkenaan dihasilkan menggunakan

teknologi hijau dengan kos rendah, menawarkan penyembuh luka pada harga lebih murah, iaitu 40 sen setiap satu gram, berbanding produk lain berharga RM2 satu gram.

Beliau berkata, produk penyembuh berasaskan penggunaan bahan nanoselulosa yang dihasilkan oleh bakteria dalam buah rosak seperti belimbing.

"Nanoselulosa ini digabungkan dengan bahan nano yang disintesis daripada peria katak, untuk menghasilkan produk baharu dikenali sebagai bahan komposit selulosa bakteria nano partikel perak atau komposit hijau," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media ketika mengumumkan penemuan itu di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Putra Science Park, Prof Dr Samsilah Roslan.

Bahan penyembuh

Dr Rosfarizan yang juga Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Siswazah), Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul, berkata komposit hijau adalah produk baharu dan 'novel' untuk bahan penyembuh serta pencucian luka kronik.

Beliau berkata, inovasi ini juga menunjukkan proses dan ciri ekonomik, mesra alam serta memiliki ciri penting anti mikroba.

Katanya, antara kelebihan produk boleh digunakan secara terus pada luka sebagai gel penyembuh, selain boleh disediakan sebagai lapisan pada balutan luka atau dijadikan cecair penyembur.

Lebih ekonomik

"Selain lebih ekonomik kerana menggunakan sisa dan bahan buangan daripada buah-buahan, penawar ini dihasilkan melalui prosedur mudah, tidak mengandungi bahan toksik, mempunyai ciri penyembuhan anti mikrobial.

"Ia berkesan dan berpotensi digunakan pada luka kronik dan traumatik, selain mengurangkan jangkitan kuman yang sesuai dengan rawatan luka pesakit kencing manis," katanya.

Inovasi dihasilkan menerusi geran penyelidikan UPM berjumlah RM50,000 itu berjaya memenangi pingat emas di International Invention, Innovation & Technology Exhibition, Malaysia (ITEX) 2019 pada 4 Mei lalu.